

OKT 2025 / BIL. 14 / 2025

EON

Epitome of Nature

MENJULANG INOVASI, MEMPERKASA EKONOMI



SEJAUH MANA KEPENTINGAN PERCUKAIAN INKLUSIF PEMANGKIN INOVASI EKONOMI NEGARA

Saifulrizan Norizan, Azura Ahmad, Dayangku Ruhayah Awang
Bolhan, Siti Aimi Mohamad Yasin, Nur Izyan Ismail
Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Sarawak,
Kampus Samarahan, 94300
Kota Samarahan, Sarawak

saifulrizan@uitm.edu.my

EDITOR: NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Pada masa kini, kerajaan Malaysia telah menghadapi pelbagai cabaran dan masalah ketidaktentuan ekonomi global serta persaingan teknologi yang semakin sengit. Kerajaan memerlukan dasar fiskal yang bukan sahaja efisien, tetapi juga inklusif dan strategik yang dapat memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Percukaian merupakan salah satu komponen terpenting dalam dasar fiskal negara (Vanessa & Nair, 2024). Ini adalah kerana percukaian merupakan sumber utama hasil negara yang berperanan sebagai alat untuk membentuk tingkah laku ekonomi, merangsang pelaburan dan menggalakkan inovasi. Di Malaysia, terdapat dua jenis cukai utama yang dikutip oleh kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, (LHDNM) iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Contoh cukai langsung adalah seperti cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan individu, cukai atas keuntungan hartanah dan lain-lain lagi. Manakala contoh cukai tidak langsung adalah cukai jualan,

cukai perkhidmatan, duti eksport, duti import, duti eksais, dan cukai jalan. Justeru, dalam konteks Malaysia sebagai negara membangun yang ingin melonjak ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, konsep percukaian inklusif perlu diteroka secara lebih mendalam sebagai pemangkin kepada inovasi dan pertumbuhan ekonomi mapan.

Percukaian inklusif boleh ditakrifkan sebagai suatu sistem cukai yang adil, saksama, progresif dan menyeluruh yang bertujuan memastikan setiap lapisan masyarakat dalam negara iaitu individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), atau syarikat multinasional mendapat ruang, peluang dan galakan untuk berkembang demi memastikan pembangunan pertumbuhan ekonomi negara yang mapan. Dalam konteks inovasi, kerajaan melalui sistem percukaian yang inklusif seharusnya memberi sokongan yang jitu kepada penciptaan teknologi yang canggih dan terkini, pembaharuan produk, serta pelaburan dalam

penyelidikan dan pembangunan (R&D). Menurut Wahab dan Bakar (2021), ini adalah penting untuk memastikan negara sentiasa peka terhadap perubahan teknologi yang terkini demi membantu negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang stabil. Seperti yang diketahui, cukai bukan sahaja mempunyai peranan pengutipan hasil kerajaan tetapi juga bertindak sebagai komponen penggerak (Kon et al., 2022) atau insentif kepada transformasi ekonomi negara yang berasaskan pengetahuan dan inovasi yang mapan.

Aktiviti inovasi dalam kalangan syarikat dan individu mampu dirangsang melalui komponen percukaian yang inklusif yang dirangka dengan baik. Kerajaan dapat memberikan potongan cukai yang adil dan saksama, pengecualian dan pelepasan kepada sesebuah syarikat yang melabur dalam aktiviti R&D di Malaysia. Sebagai contoh, Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance) dan Pioneer Status telah digunakan untuk menggalakkan syarikat meneroka bidang baharu yang berpotensi tinggi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dalam usaha ke arah menjadi negara maju. Selain itu, pelbagai insentif juga diberikan kepada syarikat-syarikat seperti syarikat pemula (startups), syarikat teknologi tinggi dan industri kreatif yang juga berperanan penting membantu memperluaskan ekosistem inovasi negara.

Di Malaysia, ekonomi digital juga merupakan komponen terpenting dalam cabang

inovasi yang berkembang pesat seiring dengan perkembangan teknologi negara. Sebagai contoh, Cukai Perkhidmatan Digital (DST) yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2020 yang dapat membantu syarikat teknologi asing yang beroperasi di Malaysia untuk menyumbang kepada pengutipan hasil cukai negara tanpa memberi kesan daya saing tempatan. Pendekatan ini adalah penting untuk memastikan kesamarataan bagi perniagaan tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. Di samping itu, hasil daripada percukaian digital yang dikutip oleh kerajaan dapat disalurkan semula untuk kepentingan pembangunan infrastruktur digital luar bandar, subsidi inovasi untuk Perniagaan Kecil Sederhana dan latihan kemahiran digital untuk tenaga kerja muda, sejajar dengan kepentingan prinsip inklusiviti.

Walaupun demikian, di Malaysia, pelaksanaan percukaian inklusif di Malaysia

mempunyai pelbagai cabaran kepada negara seperti ketirisan hasil, ekonomi bayangan, dan pematuhan cukai yang rendah dalam kalangan sektor tidak formal dan juga kebimbangan cukai yang tinggi tidak mampu membantu menggalakkan inovasi dan pelaburan. Justeru, kerajaan haruslah memastikan sistem cukai sentiasa seimbang antara kutipan hasil dan insentif. Sebagai contoh, penggunaan teknologi seperti sistem e-invois dan MyTax juga perlu diperkasa untuk memudahkan pematuhan cukai dan meningkatkan ketelusan dalam urusan percukaian di Malaysia.

Sebagai kesimpulan, percukaian inklusif di Malaysia merupakan komponen utama dan terpenting dalam memastikan pembangunan inovasi yang berdaya saing dan lestari. Ini adalah kerana melalui sistem cukai yang adil dan progresif dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara, membantu meningkatkan hasil negara dan menggalakkan aktiviti ekonomi

berasaskan nilai tambah tinggi. Pendekatan percukaian yang inklusif yang diperkenalkan oleh Kerajaan merupakan keperluan strategik dalam usaha ke arah pembangunan

inovasi sebagai pemacu utama ekonomi negara Malaysia yang lebih adil, mapan dan berdaya saing di peringkat global.

RUJUKAN

Kon, M. N. A., Sapawi, N. A. H., Shamsuddin, R., & Norizan, S. (2022). Determinants of Tax Compliance among Micro Business: Malaysian Perspective.

Vanessa, L. J. Y., & Nair, S. (2024). Tax Compliance Among SMEs: A Study in Selangor Malaysia. *Asia Pacific Journal of Business, Humanities and Education*, 9(2), 49-77.

Wahab, R. A. S. R., & Bakar, A. (2021). Digital economy tax compliance model in Malaysia using machine learning approach. *Sains Malaysian*, 50(7), 2059-2077.